

29 OCT 1999

Mahkamah-Anwar (Rahim)

RAHIM "MARAH BUKAN KEPALANG" BILA TERPAKSA LETAK JAWATAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik "marah bukan kepalang" kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila terpaksa meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka pada tahun 1995, Mahkamah Tinggi diberitahu hari ini.

Anwar berkata, Abdul Rahim menganggap beliau bertanggungjawab mendesak Perdana Menteri supaya mengambil tindakan terhadapnya (Abdul Rahim) sehingga terpaksa meletakkan jawatan.

"Yang Arif, dia (Abdul Rahim) ada bagi gambaran seolah-olah saya yang menekan supaya tindakan diambil terhadap beliau, lebih-lebih lagi kerana saya yang menyampaikan keputusan Perdana Menteri dan surat peletakan jawatannya ditulis dengan tangan di hadapan saya," kata Anwar.

Katanya, Abdul Rahim juga ada menyatakan bahawa "ramai menteri yang nyata rasuah dan terlibat dalam salah laku seks, mengapa Perdana Menteri tak ambil tindakan?"

Anwar berkata demikian ketika disoal peguam utamanya, Christopher Fernando ketika membela diri pada hari ke-68 perbicaraan kes liwatnya.

Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, didakwa meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada satu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga didakwa bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi bekas timbalan perdana menteri itu di tempat dan pada masa yang sama.

Anwar memberitahu mahkamah bahawa beliau telah menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan pertuduhan rasuah terhadap Abdul Rahim sebelum bekas ketua menteri itu meletak jawatan.

"Saya maklumkan tentang cadangan pertuduhan Jabatan Peguam Negara dalam kes rasuah dan bahawa Peguam Negara meminta saya mengemukakannya semula setelah perdana menteri enggan mengambil apa-apa tindakan terhadap Abdul Rahim pada masa itu," katanya.

Anwar berkata Dr Mahathir memaklumkan tentang kes terbaru yang melibatkan Abdul Rahim dengan gadis bawah umur dan telah meminta beliau memberitahu Abdul Rahim supaya meletakkan jawatannya.

Anwar berkata kes itu ialah dakwaan bahawa Abdul Rahim telah melakukan seks dengan gadis di bawah umur ataupun lebih dikenali sebagai "statutory rape."

"Selang beberapa minggu kemudian, Abdul Rahim datang ke pejabat saya dan saya minta dia tulis surat letak jawatan bagi memenuhi arahan perdana menteri," katanya.

Anwar berkata Abdul Rahim turut menyatakan kekesalannya kerana mendakwa "penyokong kuat saya yang setia" tetapi Anwar tidak mempertahankannya.

Katanya, selepas itu, Abdul Rahim ada menghubungi beliau iaitu selepas disiasat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenai wang tunai yang tidak dibayar cukai pada penghujung tahun 1995 atau awal tahun 1996.

"Dia minta dan merayu saya memberhentikan pengenaan cukai oleh JHDN kerana itu bukan wang peribadinya tetapi wang untuk akaun-akaun politik tetapi saya jawab bahawa saya tidak dapat melakukan sedemikian," kata Anwar.

Abdul Rahim juga ada menulis sepucuk surat yang panjang kepada Anwar bertarikh 5 Dis 1995, menyatakan bahawa Perdana Menteri tidak pernah mendesak beliau supaya meletakkan jawatannya.

"Maknanya dia menyalahkan saya kerana kehilangan jawatannya itu," katanya.

Surat Abdul Rahim juga menyebut bahawa JHDN telah menggeledah rumah serta

pejabat RTC tetapi mendapati bahawa beliau tidak perlu membayar cukai kerana wang tunai bukan milik peribadinya.

"Abdul Rahim juga mendakwa bahawa ada seorang ketua perhubungan negeri atau menteri besar menerima RM80 juta daripada seorang tokoh korporat dan seorang lagi menerima RM50 juta untuk Umno tetapi wang itupun lesap juga," kata Anwar.

Katanya, beliau tidak cuba mempertahankan Abdul Rahim kepada JHDN sebaliknya memberitahunya bahawa perkara itu diserahkan kepada kebijaksanaan JHDN dan Badan Pencegah Rasuah dalam menjalankan tugas mereka.

Anwar mendakwa bahawa Abdul Rahim kemudiannya telah menunjukkan perasaan marahnya terhadap beliau dengan melakukan serangan melalui ceramah serta ucapannya di semua forum.

"Saya merumuskan dari ucapan-ucapan beliau, beliau akan bekerja bertungkus-lumus untuk menjatuhkan saya," kata Anwar.

Katanya, selepas itu, beliau mendapat tahu bahawa sebuah buku bertajuk "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" yang mengandungi dakwaan berhubung salah laku seksualnya telah diterbitkan melalui akhbar Tempo yang dimiliki oleh Abdul Rahim.

Menurut Anwar, buku itu telah dicetak di premis kepunyaan Abdul Rahim di Kuala Lumpur dan penerbitnya adalah syarikat Media Pulau Lagenda yang dimiliki oleh Khalid Jafri dan isterinya.

Khalid Jafri juga adalah penulis buku itu.

Peguam belanya Christopher Fernando mahu mengemukakan buku itu kepada mahkamah tetapi dibantah oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail dengan alasan buku itu hanya boleh dikemukakan melalui penulisnya iaitu Khalid Jafri.

Sebelum menanggukkan perbicaraan, Hakim Datuk Arifin Jaka mengarahkan kedua-dua pihak berhujah mengenai perkara itu Isnin ini.

-- BERNAMA

SBB MAI